

16 OCT 1997

Parlimen-Kewangan

PAKEJ RM60 BILION HANYA MERUPAKAN KEMUDAHAN SEMENTARA

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Pakej kewangan RM60 bilion bagi memulihkan keyakinan pelabur terhadap pasaran saham negara hanyalah sebagai persediaan dan akan digunakan jika perlu sahaja, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar hari ini.

Buat permulaan RM1 bilion daripada terbitan bon tanda aras oleh Khazanah Nasional Bhd telah digunakan manakala RM2 bilion lagi daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan digunakan, katanya.

"Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk menyokong pasaran secara amnya dan tidak bertujuan membantu menyelamatkan mana-mana individu secara khusus," katanya ketika menjawab soalan Abdul Aziz Yassin (BN-Muar) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Pakej itu diumumkan supaya sentimen pasaran tidak tergugat dan keadaan pasaran kini beransur pulih, katanya.

Affifuddin berkata ketidakstabilan dalam matawang ringgit serta matawang lain di rantau ini menjejaskan pasaran saham negara.

"Pelabur-pelabur terutamanya pelabur asing terus menjauhkan diri dari pasaran kerana bimbang terhadap ketidakstabilan matawang ringgit serta volatiliti yang berterusan terutamanya dalam keadaan kecairan pasaran matawang yang semakin tipis," kata Affifuddin.

Beliau berkata jumlah kerugian yang dialami negara berikutan kejatuhan nilai ringgit masih belum ditaksirkan.

Kejatuhan ringgit yang menghampiri 25 peratus berbanding dengan dolar Amerika akan menyebabkan kos mengimport barangan luar negeri dan kos pembiayaan hutang luar negeri akan meningkat dan akan membebankan pengeluar tempatan, kecuali jika mereka telah dilindungi risiko turun naik ringgit, katanya.

Bagi pengeksport, sungguhpun harga barangan Malaysia di pasaran antarabangsa telah menjadi lebih kompetitif kenaikan kos pengeluaran akan menjejaskan keuntungan pengeluar, katanya lagi.

"Nilai pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah mengalami kejatuhan sebanyak 32 peratus atau RM275.14 bilion antara 28 Mac dengan 30 Sept," kata Affifuddin.

Ketika menjawab soalan tambahan Jimmy Donald (BN-Sri Aman), Affifuddin berkata penglibatan wang KWSP sebanyak RM2 bilion hanya merupakan pinjaman Khazanah Nasional Bhd dan dijamin oleh kerajaan.

"Ciri-ciri keselamatan telah diwujudkan sekiranya RM2 bilion itu digunakan," katanya sebagai menjawab soalan tambahan Jimmy Donald yang menanyakan risiko yang bakal dihadapi jika wang KWSP digunakan.

Ketika menjawab soalan Abdul Rahman Sulaiman (BN-Parit Buntar) mengenai hasil siri dialog Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan para pengurus dana asing baru-baru ini, Affifuddin berkata sesi dialog itu bertujuan memaklumkan tentang krisis pasaran matawang dan pasaran saham negara dan menjelaskan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Dalam usaha memulihkan keyakinan pengurus dana asing terhadap pasaran modal negara, Kerajaan telah menerangkan asas ekonomi yang kukuh serta berupaya untuk mengatasi kesukaran yang dialami ketika ini, katanya.

"Sesi dialog itu berjaya menarik minat pelabur asing dan masing-masing menyatakan minat mereka untuk melabur di Malaysia," katanya.

Affifuddin juga berkata kerajaan sentiasa komited kepada program pembangunan pasaran modal termasuk program liberalisasi pasaran dan tidak

bercadang membuat sebarang perubahan polisi berkaitan pelaburan dana asing.

-- BERNAMA

HAK NMO